

بَابُ فَضْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ

108- Bab Kelebihan Sembahyang Fajar (Subuh).¹⁰⁴²

¹⁰⁴² Kata Hafiz Ibnu Hajar: “Di dalam nuskah riwayat Abu Zarr, di hujung tajuk bab ini terdapat tambahan perkataan *والحديث*.” Di dalam nuskah Sahih Bukhari yang dipakai al-Kirmaani, Ibnu Rajab, as-Suyuthi dan as-Sindi perkataan itu tiada. Di dalam nuskah cetakan India dan Pakistan ada tambahan itu. Menurut para pensyarah Sahih Bukhari, adanya tambahan *والحديث* di hujung tajuk bab di atas menjadikannya termasuk dalam tajuk-tajuk bab Sahih Bukhari yang rumit dan kontroversial seperti tajuk-tajuk bab berikut: *بَابُ مَنْ بَدَأَ بِالْجَلَابِ أَوْ الطَّيِّبِ عِنْدَ الْغُسْلِ* (Bab: Orang Yang Memulakan Dengan Al-Hilab Atau Wangi-Wangian Ketika Hendak Mandi) dan *بَابُ قِبْلَةِ أَهْلِ الْمَدِينَةِ* (Bab Qiblat Penduduk Madinah, Penduduk Syam Dan Penduduk Masyriq). Tanpa tambahan itu tajuk bab ini tidak akan menimbulkan apa-apa masalah lagi. Itulah sebabnya pensyarah-pensyarah yang memakai nuskah Sahih Bukhari tanpa tambahan ini langsung tidak menyentuh tentangnya. Tetapi mengambil kira nuskah yang terdapat tambahan itu, maka apakah kedudukannya yang sebenar dan apakah pula agaknya maksud Bukhari dengannya? Kata Hafiz Ibnu Hajar lagi: “Adanya perkataan *والحديث* di hujungnya menimbulkan kemusykilan. Ma’nanya tidak jelas. Di dalam nuskah al-Kirmaani tiada perkataan ini. Al-Kirmaani berkata: “Di dalam sesetengah nuskah begini tajuknya: *بَابُ فَضْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَالْحَدِيثِ*. Tajuk bab dengan tambahan ini tidak jelas bersesuaian dengan lafaz dua hadits di bawahnya. Mungkin boleh dikatakan maksud Bukhari dengannya ialah menyatakan bab kelebihan sembahyang Fajar (Subuh) dan bab hadits yang sampai kepada kita tentang kelebihan sembahyang Fajar.” Maksud al-Kirmaani ialah perkataan *و* sebelum perkataan *والحديث* adalah *وَأَوْ* (Wau ‘Athaf). Ma’thuf ‘alaihnya ialah *بَابُ*. Taqdirnya ialah *بَابُ فَضْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَبَابُ الْحَدِيثِ الْوَارِدِ فِي فَضْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ* (Bab Kelebihan Sembahyang Fajar Dan Bab Hadits Yang Sampai Kepada Kita Tentang Kelebihan Sembahyang Fajar). Kata Hafiz Ibnu Hajar: “Taqdir itu agak jauh dan tidak relevan. Saya tidak pernah melihat tambahan ini ada di dalam mana-mana mustakhrajaat. Pensyarah-pensyarah lain juga tidak pernah menemuinya (selain di dalam nuskah Abi Zarr). Apa yang nyata ialah ia merupakan suatu waham (penyalin). Alasannya ialah sebelum ini Bukhari telah pun membuat tajuk bab untuk hadits Jarir yang sama dengan judul *بَابُ فَضْلِ صَلَاةِ الْعَصْرِ* tanpa ada apa-apa tambahan selepasnya. Mungkin juga tajuk bab ini sebenarnya ialah *بَابُ فَضْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَالْعَصْرِ*, lalu penyalin tersalah tulis perkataan akhirnya sehingga ia menjadi *والحديث*.” Kesimpulannya bagi Hafiz Ibnu Hajar, tajuk bab di atas dengan tambahan berkenaan adalah akibat waham (penyalin) dan tashif (تصحيف) yang berlaku. Al-‘Aini mengkritik pandangan Hafiz Ibnu Hajar itu dengan berkata: “Taqdir yang dibuat al-Kirmaani lebih baik lagi daripada menda’wa ia akibat waham. Andaian telah berlaku kesilapan tulis (tashif) perkataan *والحديث* kepada *والعصر* juga jauh sangat (untuk diterima ‘aql). Tidak semestinya kalau di hujung *بَابُ فَضْلِ صَلَاةِ الْعَصْرِ* tidak ada apa-apa tambahan, maka di sini juga sepatutnya tidak ada tambahan.” Kata al-‘Aini lagi: “Jika anda bertanya, apa sebab Imam Bukhari menambahkan perkataan *والحديث* di hujung bab ini sedangkan beliau tidak meletakkan tambahan seperti itu di hujung-hujung bab lain yang juga menyatakan kelebihan amalan-amalan tertentu?” Saya (al-‘Aini) akan menjawab: “Boleh jadi sebabnya ialah sembahyang Subuh

terletak selepas waktu tidur. Tidur pula adalah saudara (semacam) mati. Bukankah ada hadits tentang apa yang harus dibaca oleh orang yang baru bangun dari tidur begini?: الحمد لله الذي أحيانا بعد ما أمانتنا وإليه النشور (Segala puji bagi Allah yang telah menghidupkan kita setelah mematikan kita. KepadaNya jua (manusia) dibangkitkan). Kalau begitu, sayogia sekali orang yang bangkit dari tidur itu menunaikan sembahyang Fajar sebagai menyatakan kesyukuran kerana ia masih hidup dan rohnya dikembalikan semula kepadanya. Ia juga seharusnya menyedari bahawa ada kelebihan dan pahala yang besar pada menunaikan sembahyang itu lantaran adanya hadits-hadits khusus tentangnya. Untuk menarik perhatian kepada hadits-hadits itulah Bukhari menambahkan perkataan والحديث di hujung tajuk bab di atas sahaja.” Hafiz Ibnu Hajar tidak membalas kritikan al-`Aini itu di dalam kitab Intiqaadh al-I'tiraadhiyya. Sambil menyatakan rasa hairannya, beliau cuma berkata: “Itu saja rupanya yang dikatakan taujih (penyelesaian)! والله المستعان.” Di dalam Hasyiah Bukhari cetakan India dan Pakistan terdapat petikan daripada Syarah Bukhari bernama al-Khairu al-Jaari. Kata pengarangnya, penyelesaian terbaik untuk tambahan والحديث di hujung tajuk bab di atas ialah dengan mengatakan Bukhari berbuat begitu untuk menyatakan bahawa kelebihan sembahyang Fajar adalah sesuatu yang diketahui melalui hadits yang masyhur daripada Rasulullah s.a.w. walaupun hanya di kalangan satu golongan manusia sahaja. Tujuannya ialah untuk menarik lebih perhatian kepada kedudukan istimewa hadits itu. Di dalam Laami` ad-Daraari Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi mentaqdirkan tajuk bab di atas begini: باب فضل صلاة الفجر وباب فضل الحديث الوارد في صلاة الفجر (Bab Kelebihan Sembahyang Fajar Dan Bab Kelebihan Hadits Yang Sampai Kepada Kita Tentang Sembahyang Fajar). Bagi beliau, dengan meletakkan tambahan di hujung bab itu Imam Bukhari bukan sekadar hendak membuktikan kelebihan sembahyang Fajar melalui dua hadits di bawahnya, malah beliau juga hendak membuktikan kelebihan hadits yang menyatakan kelebihan sembahyang fajar itu sendiri. Bagi Bukhari, hadits itu ada kelebihan kerana tersebut di dalamnya kenyataan bahawa orang-orang Islam akan dapat melihat Tuhan di akhirat nanti. Syeikh Zakariya pula berpendapat, perkataan والحديث yang ditambah itu tidak semestinya dipakai dengan erti hadits dari segi istilah. Di sini ia lebih sesuai dipakai dengan erti lughawinya sahaja. Erti lughawinya ialah percakapan atau perbualan. Oleh kerana di bawah باب ما يُكره من النوم قبل العشاء ada tersebut satu hadits (535) yang menyatakan “Rasulullah s.a.w. tidak suka (seseorang) tidur sebelum (bersembahyang) `Isyaa` dan (tidak suka juga seseorang) berbual-bual selepasnya.” Kalau daripada hadits itu sesetengah `ulama` telah menyimpulkan hukum berbual-bual selepas `Isyaa` adalah makruh, maka bagaimana pula dengan hukum berbual-bual selepas sembahyang Subuh? Jawabnya, jika dilihat kepada firman Allah yang dibaca Nabi s.a.w. di hujung hadits 539 di atas فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ الْغُرُوبِ Bermaksud: “Bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu sebelum matahari terbit dan sebelum terbenamnya.” Maka hukumnya paling tidak makruh juga, kerana Allah menyuruh orang-orang Islam bertasbih memujiNya. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa waktu selepas Subuh adalah waktu yang baik untuk bertasbih dan berzikir kepada Allah, ia bukan waktu yang sesuai untuk berbual-bual dan bercakap-cakap. Seolah-olahnya Syeikh Zakariya mentaqdirkan tajuk bab di atas begini: باب فضل صلاة الفجر وباب حكم الحديث بعد صلاة الفجر (Bab Kelebihan Sembahyang Fajar Dan Bab Hukum Berbual Selepas Sembahyang Fajar). Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri pula berpendapat, salah satu metodologi Bukhari di dalam kitab Sahihnya ialah apabila sesuatu hadits mengandungi sesuatu faedah dan beliau hendak menarik perhatian orang kepadanya, beliau akan menyebutkannya di dalam tajuk bab, walaupun ia kurang sesuai dengan

٥٣٩ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا قَيْسٌ قَالَ لِي جَرِيرٌ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ نَظَرَ إِلَى الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ فَقَالَ أَمَا إِنَّكُمْ سَتَرُونَ رَبَّكُمْ كَمَا تَرَوْنَ هَذَا لَا تُضَاهُونَ أَوْ لَا تُضَاهُونَ فِي رُؤْيَيْهِ فَإِنْ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ لَا تُغْلَبُوا عَلَى صَلَاةٍ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا فَافْعَلُوا ثُمَّ قَالَ فَسَبَّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا

539- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya (bin Sa'id al-Qatthaan) meriwayatkan kepada kami daripada Isma'il (bin Abi Khalid), katanya: Qais (bin Abi Haazim) meriwayatkan kepada kami, katanya: Jarir bin 'Abdillah bercerita kepadaku, katanya: "Pernah pada suatu malam kami berada di samping Nabi s.a.w. Beliau s.a.w. melihat bulan (purnama) seraya bersabda: "Ketahuilah sesungguhnya kamu akan (dapat) melihat Tuhanmu sebagaimana kamu melihat bulan ini. Kamu tidak akan terlindung atau (syak perawi) terkeliru (tidak akan mengalami apa-apa kesulitan) dalam melihatNya.¹⁰⁴³ Jika kamu dapat menjaga (dengan sebaik-baiknya) sembahyang sebelum terbit matahari

tajuk bab itu. Metode beliau ini saya namakan "Injaaz" (penyempurnaan). Tambahan perkataan di hujung tajuk bab ini seharusnya dipakai dengan erti lughawinya iaitu berbual-bual selepas 'Isyaa'. Meskipun ia kurang sesuai, kerana tajuk bab ini adalah berkenaan dengan kelebihan sembahyang Subuh, tetapi oleh kerana perbualan selepas 'Isyaa' telah tersebut di dalam hadits (535) tidak jauh dari bab ini, Imam Bukhari menyebutnya juga sebagai "Injaaz". Tambahan pula perihal melihat Tuhan di dalam syurga kepada orang-orang mu'min telah diumpamakan dengan perihal melihat bulan pada malam purnama dengan sempurna. Tentu sekali bulan pada malam purnama dapat dilihat dengan sempurna selepas sembahyang 'Isyaa' bukan ketika bersembahyang Subuh atau selepas sembahyang Subuh. Maka tajuk bab di atas seharusnya ditaqdirkan begini mengikut pandangan beliau: باب فضل صلاة الفجر والحديث بعد العشاء (Bab Kelebihan Sembahyang Fajar Dan Berbual Selepas Sembahyang 'Isyaa'). Demikianlah taqdir Maulana Muhammad Anwar Shah sebagaimana yang dikemukakan oleh guru penulis Maulana Mufti Wali Hasan di dalam Taqdir Sahih Bukharinya. Berdasarkan taqdir ini, bukan sembahyang Subuh sahaja ada kelebihan, malah berbual-bual selepas 'Isyaa' juga ada kelebihan, jika ia berkaitan dengan ugama. Lebih-lebih lagi berkenaan dengan zat Allah s.w.t. Untuk perbandingan, lihat juga باب فضل صلاة العصر (Bab Kelebihan Sembahyang 'Ashar) yang lalu bersama nota-nota di bawahnya.

¹⁰⁴³ Hadits ini merupakan salah satu dalil yang menjadi pegangan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah tentang Allah s.w.t. akan dapat dilihat oleh orang-orang mu'min di akhirat kelak. Perbincangan terperinci tentangnya telah berlalu di bawah باب فضل صلاة العصر (Bab Kelebihan Sembahyang 'Ashar) pada nota 971.

(sembahyang Subuh) dan sebelum terbenamnya (sembahyang `Ashar), jagalah.”¹⁰⁴⁴
Kemudian beliau (Jarir) membaca: فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا. Bermaksud: Bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu sebelum matahari terbit dan sebelum terbenamnya.¹⁰⁴⁵

٥٤٠ - حَدَّثَنَا هُدَيْبُ بْنُ خَالِدٍ قَالَ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ حَدَّثَنِي أَبُو جَمْرَةَ عَنْ أَبِي بَكْرٍ بْنِ أَبِي مُوسَى عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ صَلَّى الْبَرْدَيْنِ دَخَلَ الْجَنَّةَ. وَقَالَ ابْنُ رَجَاءٍ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ عَنْ أَبِي جَمْرَةَ أَنَّ أَبَا بَكْرٍ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ قَيْسٍ أَخْبَرَهُ بِهَذَا. حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ حَدَّثَنَا حَبَّانُ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ حَدَّثَنَا أَبُو جَمْرَةَ عَنْ أَبِي بَكْرٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِثْلَهُ

¹⁰⁴⁴ Sabda Nabi s.a.w. ini merupakan kinayah (bahasa kiasan) kepada menjaga sembahyang Subuh dan `Ashar dengan sebaik-baiknya. Maksudnya ialah seboleh-bolehnya janganlah ada sesuatu (seperti syaitan, nafsu dan lain-lain) yang menghalangmu daripada menunaikan sembahyang Subuh dan sembahyang `Ashar dalam waktunya yang afdhal.

¹⁰⁴⁵ Hadits Jarir ini mengisyaratkan bahawa sememangnya ada kaitan yang rapat di antara orang-orang yang menjaga sembahyang Subuh dan `Ashar dengan keistimewaan melihat Allah di akhirat nanti. Ayat yang dibaca beliau adalah ayat ke 130 dari surah Thaha. Tetapi ia sebetulnya dimulakan dengan و bukan dengan ف seperti terdapat di sini. Ayat berkenaan selengkapnya adalah seperti berikut:

فَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا وَمِنْ آنَاءِ اللَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَى ﴿١٣٠﴾
Bermaksud: Maka bersabarlah engkau (Wahai Muhammad) atas apa yang mereka katakan, dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu, sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya dan bertasbih pulalah pada waktu-waktu di malam hari dan pada waktu-waktu di siang hari, supaya engkau redha. (Thaha:130).

Di dalam hadits 521 yang lalu pula Jarir diriwayatkan telah membaca ayat yang bermula dengan و. Tetapi ayat yang dibacanya itu adalah yang ke 39 dari surah Qaaf. Ia berbeda sedikit daripada ayat yang tersebut di dalam hadits ini. Berikut dikemukakan ayat dari surah Qaaf itu selengkapnya:

فَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ الْغُرُوبِ ﴿٣٩﴾

Bermaksud: Maka bersabarlah engkau (wahai Muhammad) terhadap apa yang mereka katakan dan bertasbihlah sambil memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya. (Qaaf:39). Bacaan yang bermula dengan ف di dalam mana-mana riwayat Jarir bagaimanapun berpunca daripada waham (kekeliruan) perawi. Menurut al-Kirmaani, di dalam sesetengah nuskah, Jarir diriwayatkan telah membaca سَبِّح sahaja tanpa و atau ف. Untuk mendapat panduan, pedoman dan pengajaran daripada hadits ini sila lihat nota 974.

540- Hudbah bin Khalid (al-Qaisi al-Bashri al-Hafiz m.235H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaam (bin Yahya) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Jamrah (Nashr bin `Imraan ad-Dhuba`i al-Bahsri) meriwayatkan kepadaku daripada Abi Bakr bin Abi Musa (`Abdullah bin Qais) daripada ayahnya (Abi Musa), bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa yang bersembahyang pada dua waktu sejuk (Subuh dan `Ashar),¹⁰⁴⁶ pastilah ia masuk syurga.”¹⁰⁴⁷ Kata Ibnu Rajaa’ (`Abdullah al-Bashri al-Ghudaani), Hammaam meriwayatkan kepada kami daripada Abi Jamrah bahawa Abu Bakr bin `Abdillah bin Qais meriwayatkan kepadanya hadits ini.¹⁰⁴⁸ Ishaq¹⁰⁴⁹

¹⁰⁴⁶ Kata al-Baghawi, maksud sembahyang pada dua waktu sejuk ialah sembahyang Fajar dan `Ashar. Kerana kedua-duanya dikerjakan pada dua tepi waktu siang yang sejuk. Sebabnya sembahyang Subuh dan `Ashar disebutkan secara khusus di dalam hadits ini ialah kerana: (1) Kelebihan kedua-duanya. Antara sebab kelebihanannya ialah pada dua waktu itu berkumpul di bumi malaikat malam dan siang. Inilah yang diisyaratkan di dalam firman Allah berikut:

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْءَانَ الْفَجْرِ إِنَّ الْقُرْءَانَ الْفَجْرِ كَاتِبٌ مَشْهُودٌ

Bermaksud: Dirikanlah sembahyang dari sesudah matahari tergelincir sampai (waktu) gelap malam dan (dirikanlah pula sembahyang) Subuh. Sesungguhnya sembahyang Subuh itu disaksikan (oleh malaikat). (Al-Israa’:78).

Berdasarkan ayat ini sembahyang Fajar (Subuh) bagaimanapun kelihatan lebih menonjol daripada sembahyang `Ashar. (2) Kedua-duanya terletak pada waktu yang mencabar dan sukar kepada kebanyakan manusia. Pada waktu Subuh mereka secara umumnya sedang nyenyak tidur. Pada waktu `Ashar pula mereka sibuk dengan pekerjaan. (3) Kedua-dua sembahyang itu dikehendaki dikerjakan dan dijaga dengan sebaik-baiknya memandangkan kebanyakan orang cuai dan melakukannya dalam kealpaan.

¹⁰⁴⁷ Kepastian masuk syurga yang tersebut di dalam hadits ini ditafsirkan oleh para `ulama’ dengan beberapa tafsiran berikut: (1) Sama ada dengan terus masuk syurga jika ia tidak melakukan apa-apa dosa yang boleh membawanya masuk neraka atau jika ia telah melakukan dosa-dosa seperti itu sekalipun, tetapi dosa-dosa itu diampun oleh Allah dengan sebab (berkat) ia mengambil berat tentang sembahyang Subuh dan `Ashar dan mengerjakannya dengan sebaik-baiknya. (2) Pasti ia masuk syurga akhirnya setelah masuk neraka terlebih dahulu kerana telah melakukan dosa-dosa tertentu. (3) Pasti ia masuk syurga dengan sebab sembahyang itu akan menghindarkannya daripada melakukan perkara-perkara fahsyaa’ dan munkar atau dosa-dosa yang biasanya akan menyeret manusia ke neraka.

¹⁰⁴⁸ Maksud Bukhari mengemukakan ta’liq ini daripada gurunya yang bernama `Abdullah bin Rajaa’ ialah untuk menyatakan Abu Bakr yang tersebut di dalam sanad sebelumnya ialah anak Abu Musa al-Asy`ari atau beliau bermaksud menyokong isnad itu. Kerana para `ulama’ hadits berbeda pendapat tentang Abu Bakr yang meriwayatkan hadits ini. Kata ad-Daraquthni, sesetengah ahli ilmu berpendapat hadits ini sebetulnya diriwayatkan daripada Abi Bakr bin `Umaarah bin Ruwaibah ats-Tsaqafi. Ia memang mahfuz (sahih) daripada beliau. Kata al-Bazzaar, kita tidak mengetahui Abu Bakr (bin `Umaarah bin Ruwaibah) meriwayatkan daripada

Abu Musa kecuali melalui saluran riwayat ini. Justeru beliau hanya diketahui meriwayatkan hadits-hadits daripada ayahnya sendiri iaitu 'Umaarah bin Ruwaibah. Punca sesetengah 'ulama' hadits berpendapat Abu Bakr yang tersebut di dalam sanad hadits ini ialah Abu Bakr bin 'Umaarah bin Ruwaibah ats-Tsaqafi ialah kerana memang jelas ada riwayat lain yang sama dengan hadits yang dikemukakan oleh Bukhari ini telah diriwayatkan daripada beliau daripada ayahnya. Berikut adalah haditsnya: حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَأَبُو كُرَيْبٍ وَإِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ جَمِيعًا عَنْ وَكِيعٍ قَالَ قَالَ أَبُو كُرَيْبٍ حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ ابْنِ أَبِي خَالِدٍ وَمُسْعَرٍ وَالْبُخْتَرِيِّ بْنِ الْمُخْتَارِ سَمِعُوهُ مِنْ أَبِي بَكْرٍ بْنِ عَمَارَةَ بْنِ رُوَيْبَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَنْ يَلْجَ النَّارَ أَحَدٌ صَلَّى قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا يَغْنِي الْفَجْرَ وَالْعَصْرَ فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْبَصْرَةِ أَنْتَ سَمِعْتَ هَذَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ نَعَمْ قَالَ الرَّجُلُ وَأَنَا أَشْهَدُ أَنِّي سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعْتُهُ أَذْنَايَ وَوَعَاةَ قَلْبِي Bermaksud: Abu Bakr bin 'Umaarah bin Ruwaibah meriwayatkan daripada ayahnya ('Umaarah), katanya: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak akan masuk neraka seseorang yang bersembahyang sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya." Maksud Baginda s.a.w. ialah sembahyang Fajar dan 'Ashar. Maka berkata seorang lelaki Bashrah kepadanya: "Adakah engkau mendengar hadits ini daripada Rasulullah s.a.w.?" Jawab beliau ('Umaarah): "Ya." Berkatalah lelaki itu: "Aku bersaksi bahwa sesungguhnya aku (juga) telah mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w. Ia didengar oleh dua telingaku dan diingat oleh hatiku. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Nasaa'i, Ibnu Hibbaan dan Ibnu Khuzaimah. Sanad dan matan hadits yang dikemukakan ini adalah lafaz riwayat Muslim). Ramai juga para huffaaz hadits yang menganggap Abu Bakr yang tersebut di dalam isnad hadits 540 di atas adalah Abu Bakr bin 'Umaarah bin Ruwaibah ats-Tsaqafi. Antara mereka ialah Yahya bin Ma'in, 'Ali bin al-Madini, ad-Daaraquthni, Muthayyan (Muhammad bin 'Abdillah bin Sulaiman al-Hadhrami) dan lain-lain. Imam Bukhari, Muslim, al-'Uqaili, Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini dan lain-lain pula berpendapat Abu Bakr itu ialah Abu Bakr bin Abi Musa al-Asy'ari. Inilah pendapat yang lebih kuat. Al-'Aini mentarjihkan hadits 540 adalah dari riwayat Abu Bakr bin Abi Musa al-Asy'ari. Sementara hadits Abu Bakr bin 'Umaarah bin Ruwaibah ats-Tsaqafi pula diriwayatkan oleh Muslim. Bagaimanapun kedua-dua hadits mereka mengandungi ma'na yang sama dan kedua-duanya adalah sahih.

¹⁰⁴⁹ Siapakah Ishaq yang dimaksudkan di sini? Ada dua pendapat 'ulama' tentangnya: (1) Ishaq bin Manshur bin Bahraam al-Kausaj at-Tamimi al-Marwazi. (2) Ishaq bin Rahawaih. Sama ada Ishaq ini adalah Ishaq bin Manshur atau Ishaq bin Rahawaih, kedudukan hadits tidak terjejas kerana kedua-dua mereka adalah perawi hujjah dan imam dalam hadits. Kata Hafiz Ibnu Hajar, tidak tersebut dengan jelas di dalam mana-mana kitab dan riwayat, sama ada Ishaq ini bin Manshur atau bin Rahawaih. Abu 'Ali al-Ghassaani al-Jayyaani di dalam kitabnya at-Taqqid mengandaikan Ishaq ini adalah bin Manshur. Tetapi di tempat lain pula beliau berkata, Ishaq tanpa bin di dalam Sahih Bukhari adalah Ishaq bin Rahawaih. Bagaimanapun beliau tetap mentarjihkan Ishaq bin Manshur di sini berdasarkan Muslim ada meriwayatkan satu hadits daripada Ishaq bin Manshur daripada Habbaan bin Hilal. Kata Hafiz Ibnu Hajar, dalil yang lebih terang daripada yang dikemukakan oleh Abu 'Ali al-Ghassaani itu ialah riwayat daripada Abu 'Ali bin Syabbawaih daripada al-Firabri di dalam باب البيعان بالخيار lalu dikemukakan haditsnya. Kedua-dua riwayat mutaba'at yang dikemukakan oleh Bukhari di sini sama dengan riwayat usul (riwayat 540) yang dikemukakannya daripada segi menyebutkan Abu Bakr bin Abi Musa ('Abdullah bin Qais). Mutaba'ah pertama daripada Ibnu Rajaa' dikemukakan Bukhari

meriwayatkan kepada kami, katanya: Habbaan (bin Hilal al-Baahili m.216H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaam meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Jamrah meriwayatkan kepada kami daripada Abi Bakr bin `Abdillah daripada ayahnya daripada Nabi s.a.w. sama seperti lafaz hadits tadi.¹⁰⁵⁰

بَابُ وَقْتِ الْفَجْرِ

109- Bab Waktu Fajar (Subuh).¹⁰⁵¹

٥٤١ - حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَاصِمٍ قَالَ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ زَيْدَ بْنَ ثَابِتٍ حَدَّثَهُ أَنَّهُمْ تَسَحَّرُوا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ فُلْتُ كَمْ بَيْنَهُمَا قَالَ قَدْرُ خَمْسِينَ أَوْ سِتِّينَ يَغْنِي آيَةً

secara ta'liq dan mursal kerana tidak tersebut di dalam isnadnya daripada ayahnya. Mutaba'ah kedua daripada Ishaq pula dikemukakan beliau secara musnad. Dengan mengemukakan dua mataba'at ini Imam Bukhari sebenarnya bermaksud mengkritik tokoh-tokoh 'ulama' hadits yang menganggap Abu Bakr di dalam sanad hadits 540 adalah Abu Bakr bin `Umaarah bin Ruwaibah ats-Tsaqafi. Sedangkan itu adalah satu waham. Yang sebetulnya menurut Bukhari hadits dengan lafaz 540 di atas adalah riwayat Abu Bakr bin Abi Musa al-Asy'ari. Abu Bakr bin `Umaarah bin Ruwaibah ats-Tsaqafi juga ada meriwayatkan satu hadits yang lebih kurang sama ma'nanya dengan hadits 540, tetapi lafaznya berbeza. Hadits beliau itu tidak diambil Bukhari. Ia hanya diriwayatkan oleh Muslim dan lain-lain di dalam kitab mereka masing-masing seperti dinukilkan tadi.

¹⁰⁵⁰ Sama seperti lafaz hadits tadi adalah terjemahan penulis untuk perkataan نحوه . Perkataan نحوه pula akan diterjemahkan dengan hadits yang sama ma'na dengannya, walaupun lafaznya tidak sama.

¹⁰⁵¹ Tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan permulaan waktu Fajar (Subuh). Melalui bab selepas ini pula beliau bermaksud menyatakan akhir atau penghujung waktunya. Daripada hadits-hadits yang dikemukakan di bawah bab ini dapat diketahui bahawa waktu Subuh bermula sebaik saja terbit Fajar Shadiq. Waktu itu juga dipanggil waktu ghalas. Menurut Imam Bukhari, waktu ghalas adalah waktu yang afdhal untuk menunaikan sembahyang Subuh. Demikian juga pendapat jumhur 'ulama'. Sementara Imam Abu Hanifah, ats-Tsauri, Hasan bin Hai, kebanyakan 'ulama' Iraq dan Hanafiyyah pula berpendapat bersembahyang subuh pada waktu isfaar adalah lebih afdhal. Oleh kerana Bukhari berpendapat waktu sembahyang Subuh yang afdhal ialah pada waktu ghalas, beliau langsung tidak mengemukakan hadits-hadits yang menunjukkan sembahyang Subuh lebih afdhal dikerjakan pada waktu isfaar.

541- `Amar bin `Aashim (al-Hafiz al-Bashri m.223H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Hamaam (bin Yahya) meriwayatkan kepada kami daripada Qataadah (bin Di'aamah) daripada Anas bin Malik, bahawa Zaid bin Tsabit menceritakan kepadanya, sesungguhnya mereka bersahur bersama Nabi s.a.w. kemudian bangkit bersembahyang (Subuh). Saya (Anas) bertanya: "Berapakah jarak masa di antara dua perbuatan itu?" Jawab beliau (Zaid): "Kadar lima puluh atau enam puluh". Maksud beliau (dengan lima puluh atau enam puluh itu) ialah ayat (al-Qur'an)."¹⁰⁵²

٥٤٢ - حَدَّثَنَا حَسَنُ بْنُ صَبَّاحٍ سَمِعَ رُوْحَ بْنَ عُبَادَةَ حَدَّثَنَا سَعِيدٌ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَزَيْدَ بْنَ ثَابِتٍ تَسَحَّرَا فَلَمَّا فَرَغَا مِنْ سَحُورِهِمَا قَامَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الصَّلَاةِ فَصَلَّى فَلَمَّا لَأَسِ كَمْ كَانَ بَيْنَ فَرَاعِهِمَا مِنْ سَحُورِهِمَا وَدُخُولِهِمَا فِي الصَّلَاةِ قَالَ قَدَرُ مَا يَقْرَأُ الرَّجُلُ خَمْسِينَ آيَةً

542- Hasan bin Shabbaah (al-Bazaar) meriwayatkan kepada kami. Beliau telah mendengar Rauh bin `Ubaadah berkata: Sa'id (bin Abi `Arubah) meriwayatkan kepada kami daripada Qataadah daripada Anas bin Malik, bahawa Nabi s.a.w. dan Zaid bin Tsabit bersahur bersama-sama. Setelah selesai bersahur, Nabi s.a.w. bangun bersembahyang (Subuh). Kami bertanya Anas: "Berapakah jarak di antara mereka berdua selesai bersahur dan mula bersembahyang?" Jawab Anas: "Kadar seseorang membaca lima puluh ayat."¹⁰⁵³

¹⁰⁵² Kata Hafiz Ibnu Hajar, kalau jarak waktu di antara selesai makan sahur dan sembahyang Subuh hanyalah kadar seseorang membaca 50 atau 60 ayat, maka tentulah waktu Subuh itu bermula sebaik saja terbit Fajar Shadiq. Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi berkata, hadits ini menunjukkan Nabi s.a.w. bersembahyang Subuh pada waktu ghalas iaitu di awal waktu Subuh. Lima puluh atau enam puluh ayat dapat dibaca seseorang dengan selesa dalam masa kira-kira sepuluh minit. Maka secara tidak langsung hadits ini menunjukkan antara sunnah Nabi s.a.w. dan para sahabatnya ialah bersahur pada waktu agak lewat, tidak lama sebelum masuk waktu Subuh. Orang-orang yang mengamalkan imsak (menahan diri daripada makan, minum dan sebagainya) kira-kira 10 minit sebelum masuk waktu Subuh jelas menyalahi Sunnah Nabi s.a.w.

¹⁰⁵³ Hadits 542 ini lebih jelas daripada hadits 541 sebelumnya. Kerana di dalam hadits 542 ini dinyatakan jarak waktu di antara dua perbuatan bersahur dan bersembahyang Subuh mereka berdua (Rasulullah s.a.w. dan Zaid bin Tsabit). Jarak kira-kira seseorang membaca 50 ayat itu bermula daripada selesai bersahur dan mula bersembahyang. **Orang-orang yang mengamalkan ketetapan** imsak sebelum masuk waktu Subuh terkeliru apabila mereka berhujjah dengan hadits 542 ini. Kata mereka, bersahur itu sudah selesai sebelum masuk waktu Subuh selama seseorang

membaca lebih kurang 50 ayat. Jika dianggarkan, tempohnya adalah lebih kurang 10 atau 15 minit. Itulah punca imsak, kata mereka. Tetapi pemahaman seperti ini tidak benar kerana beberapa sebab berikut: (1) Tidak ada seorangpun perawi hadits dan 'ulama' yang menghuraikan pengertian begitu. (2) Hadits ini sebenarnya bererti "tempoh di antara selesai bersahur dengan sembahyang Subuh itu adalah lebih kurang tempoh seseorang membaca 50 ayat. Ia bermakna setelah selesai bersahur, azan dilaungkan. Selepas itu sesiapa yang hendak berwudhu', bolehlah ia berwudhu' dan bersembahyang sunat Subuh. Kemudian barulah dikerjakan sembahyang Subuh. Tempoh di antara azan, wudhu', sembahyang sunat Subuh dan sembahyang Subuh itu sendiri adalah selama seseorang membaca lebih kurang 50 ayat. Itu maksud sebenarnya. (3) 'Ulama'- 'ulama' hadits malah berdalil dengan hadits ini tentang kelewatan waktu bersahur itu dan peri ringkasnya makan sahur yang diambil oleh Nabi s.a.w. dan sahabat-sahabatnya, sehingga masa bersahur dengan masuk waktu Subuh itu hanyalah sekadar bacaan 50 ayat, bukan sebaliknya menunjukkan berhenti makan sahur dan sebagainya sebelum Subuh seperti yang berlaku dalam amalan imsak. (4) Ayat al-Qur'an itu tidak sama panjangnya, ada yang panjang dan ada yang pendek. "50 ayat" yang dimaksudkan itu ayat yang panjangkah atau yang pendek atau yang sederhana? (5) Pengarang-pengarang kitab-kitab hadits utama, telah meletakkan hadits ini di bawah tajuk: **بَاب مَا جَاءَ فِي تَأْخِيرِ السُّحُورِ** (Bab Tentang Melewatkan Bersahur). Lihat sebagai contohnya Sunan at-Tirmizi, Sunan Ibnu Majah, Sunan ad-Daarimi, Sahih Ibnu Khuzaimah dan lain-lain. Ini bermakna mereka menjadikan hadits ini sebagai dalil bagi lewatnya waktu bersahur Nabi s.a.w. dan para sahabatnya. Biar apa pun hadits 542 di atas tidak harus sama sekali dijadikan dalil untuk amalan imsak sebelum masuk waktu Subuh. Selain ia *mubham* (samar), di sana terdapat pula sekian banyak dalil-dalil berupa al-Qur'an dan hadits yang terang dan *muhkam*. **Di bawah ini dikemukakan dalil-dalil dari al-Qur'an dan hadits-hadits sahih yang dengan terang menolak adanya apa yang dinamakan ketetapan imsak sebelum masuk waktu Subuh. Allah berfirman:**

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

Bermaksud: "Makan dan minumlah kamu sehingga nyata benang putih (fajar Shadiq-permulaan waktu Subuh) daripada benang hitam (penghujung waktu malam) iaitu fajar." (Al-Baqarah:187) Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa tidak ada sebarang imsak sebelum masuknya waktu Subuh, malah Allah s.w.t. menganjurkan supaya kita makan dan minum "hingga" atau "sampai" masuk waktu Subuh. Perintah di sini mengikut para 'ulama' usul bukan memberi makna wajib, walaubagaimanapun paling kurang ia memberi makna harus. **Hadits-hadits sahih juga dengan jelas menunjukkan keharusan makan, minum dan sebagainya kepada orang yang hendak berpuasa hingga ke waktu Subuh.** Hadits-hadits itu antara lainnya ialah: (1) 'Aaishah r.a. berkata: **أَنَّ بِلَالًا كَانَ يُؤَدِّنُ بِلَيْلٍ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يُؤَدِّنَ أَيْنَ أَمْ مَكْنُومٍ فَإِنَّهُ لَا يُؤَدِّنُ حَتَّى يَطْلُعَ الْفَجْرُ** Bermaksud: "Sesungguhnya Bilal melaungkan azan pada waktu (masih) malam. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Makan dan minumlah kamu sehingga Ibnu Ummi Maktum melaungkan azan. Kerana sesungguhnya dia tidak melaungkan azan sebelum terbit fajar (Shadiq yang menandakan masuknya waktu Subuh)." (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim). Hadits ini menunjukkan keharusan memakan makanan, meminum minuman dan lain-lain kepada orang yang hendak berpuasa sehingga ke waktu Subuh. Bilal biasanya melaungkan azan sebelum masuk waktu Subuh di penghujung malam. Ketika itu masih lagi waktu malam. Orang-orang yang hendak

berpuasa masih lagi dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w. makan, minum dan sebagainya. Beberapa ketika selepas Bilal selesai melaungkan azan, Ibnu Ummi Maktum pula melaungkan azan sebagai menandakan masuknya waktu Subuh. Ketika itu barulah orang-orang yang hendak berpuasa tidak boleh melakukan apa saja yang membatalkan puasa. Di dalam hadits yang lain dinyatakan tujuan Bilal melaungkan azan sebelum masuk waktu Subuh. Ibnu Mas'ud meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: *لَا يَمْنَعَنَّ أَحَدَكُمْ أَذَانُ بِلَالٍ مِنْ سُخُورِهِ فَإِنَّهُ يُؤَدِّنُ لِيَنْتَبِهَ نَائِمُكُمْ وَلِيَرْجِعَ قَائِمُكُمْ*. Bermaksud: Jangan sekali-kali azan Bilal menghalang seseorang daripada kamu bersahur. Kerana dia melaungkan azan supaya sedar orang yang tidur (lalu bangun bersembahyang witr, bersahur dan lain-lain) dan pulang (ke rumah) orang yang masih bersembahyang (di masjid untuk bersahur dan lain-lain). (Hadits sahih riwayat Ibnu Khuzaimah, Ibnu Majah dan Baihaqi). Kerana itulah para 'ulama' sepakat mengatakan bahawa Bilal melaungkan azan sebelum masuknya waktu Subuh dengan tujuan mengejutkan orang yang tidur supaya bangun bersahur dan Ibnu Ummi Maktum pula melaungkan azan apabila masuknya waktu Subuh. (2) Ibnu 'Abbaas r.a. meriwayatkan, katanya: *أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَمَنِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ عِنْدَ الْبَيْتِ مَرَّتَيْنِ فَصَلَّى الظُّهْرَ فِي الْأُولَى مِنْهُمَا حِينَ كَانَ الْفَيْءُ مِثْلَ الشَّرَاكِ ثُمَّ صَلَّى الْعَصْرَ حِينَ كَانَ كُلُّ شَيْءٍ مِثْلَ ظِلِّهِ ثُمَّ صَلَّى الْمَغْرِبَ حِينَ وَجَبَتْ الشَّمْسُ وَأَفْطَرَ الصَّائِمُ ثُمَّ صَلَّى الْعِشَاءَ حِينَ غَابَ الشَّفَقُ ثُمَّ صَلَّى الْفَجْرَ حِينَ بَرَقَ الْفَجْرُ وَحَرَّمَ الطَّعَامَ عَلَى الصَّائِمِ وَصَلَّى الْمَرَّةَ الثَّانِيَةَ الظُّهْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَهُ لَوْفَتْ الْعَصْرُ بِالْأَمْسِ ثُمَّ صَلَّى الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَهُ ثُمَّ صَلَّى الْمَغْرِبَ لَوْفَتْهُ الْأُولَى ثُمَّ صَلَّى الْعِشَاءَ الْآخِرَةَ حِينَ ذَهَبَ ثُلُثُ اللَّيْلِ ثُمَّ صَلَّى الصُّبْحَ حِينَ أَصْفَرَتِ الْأَرْضُ ثُمَّ التَّقْتُ إِلَيَّ جِبْرِيلُ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ هَذَا*. Bermaksud: “Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: “Jibril a.s. telah mengimamiku dekat Baitillah dua kali. Beliau bersembahyang Zohor pada kali pertama (hari pertama) ketika bayang (sesuatu) seperti tali kasut (lebaranya). Kemudian bersembahyang 'Ashar ketika sesuatu menjadi sama panjang dengan bayangnya. Kemudian bersembahyang Maghrib ketika matahari terbenam dan orang yang berpuasa berbuka. Kemudian bersembahyang 'Isyaa' ketika lenyap syafaq. Kemudian bersembahyang Subuh ketika fajar mulai menyingsing dan orang yang (hendak) berpuasa mulai haram makan. Pada kali kedua (hari kedua) beliau bersembahyang Zohor ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya iaitu pada waktu masuk 'Ashar hari semalamnya. Kemudian bersembahyang 'Ashar ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Kemudian bersembahyang Maghrib pada waktu hari sebelumnya. Kemudian bersembahyang 'Isyaa' ketika telah berlalu sepertiga malam. Kemudian bersembahyang Subuh pada waktu cerah tanah. Kemudian Jibril berpaling kepadaku lalu berkata: “Wahai Muhammad, inilah waktu (sembahyang) para nabi sebelumnya. Waktu sembahyang (yang lima itu) adalah di antara dua waktu (semalam dan hari) ini.” (Hadits sahih riwayat Tirmizi, Ahmad, Abu Daud, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Abi Syaibah, Syafi'e, Baihaqi, Thahaawi, 'Abdur Razzaq, Sa'id bin Manshur, at-Thabaraani, al-Haakim dan lain-lain). Perhatikan bahagian yang bergaris di dalam terjemahan di atas. Orang yang hendak berpuasa baru haram makan apabila terbit fajar Shadiq yang menandakan masuknya waktu Subuh. Hadits ini jelas menafikan adanya waktu imsak sebelum masuk waktu Subuh. (3) Ibnu 'Abbaas juga meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: *الْفَجْرُ فَجْرَانِ فَجْرٌ يُحَرِّمُ الطَّعَامَ وَتَحِلُّ فِيهِ الصَّلَاةُ وَفَجْرٌ تَحْرُمُ فِيهِ الصَّلَاةُ وَيَحِلُّ فِيهِ الطَّعَامُ*. Bermaksud: Fajar ada dua. (Pertama:) Fajar yang mengharamkan makanan (kepada orang-orang yang hendak berpuasa) dan halal padanya bersembahyang (Subuh). (Kedua:) Fajar yang haram padanya (mengerjakan) sembahyang (Subuh) dan halal padanya makanan. (Hadits sahih riwayat Ibnu Khuzaimah, al-Haakim, al-Baihaqi, ad-Daraquthni dan ad-Dailami).

٥٤٣- حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ أَبِي أُوَيْسٍ عَنْ أَخِيهِ عَنْ سُلَيْمَانَ عَنْ أَبِي حَازِمٍ أَنَّهُ سَمِعَ سَهْلَ بْنَ سَعْدٍ يَقُولُ كُنْتُ أَتَسَحَّرُ فِي أَهْلِي ثُمَّ يَكُونُ سُرْعَةً بِي أَنْ أُذْرِكَ صَلَاةَ الْفَجْرِ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

543- Isma'il bin Abi Uwais ('Abdullah al-Ashbahi al-Madani) meriwayatkan kepada kami daripada saudaranya ('Abdul Hamid Abu Bakr bin Abi Uwais) daripada Sulaiman (bin Bilal) daripada Abi Haazim (Salamah bin Dinaar al-A'raj al-Madani), bahawa sesungguhnya dia telah mendengar Sahl bin Sa'ad (bin Malik al-Anshaari) berkata: "Aku selalu bersahur bersama ahli keluargaku. Untuk dapat bersembahyang bersama Nabi s.a.w. aku (terpaksa) bersegera."¹⁰⁵⁴

Hadits ini menunjukkan fajar ada dua. Pertama ialah fajar kazib. Sembahyang Subuh masih tidak boleh dikerjakan selepas terbit fajar ini. Orang-orang yang hendak berpuasa pula masih boleh makan, minum dan sebagainya pada waktu itu. Kedua ialah fajar Shadiq. Apabila terbit fajar Shadiq, barulah masuk waktu Subuh. Pada waktu itu barulah boleh bersembahyang Subuh dan barulah haram makan, minum dan sebagainya kepada orang yang hendak berpuasa.

Dalil-dalil di atas langsung tidak menyebut tentang imsak atau menahan diri daripada makan, minum dan sebagainya sebelum masuknya waktu Subuh. Malah ia menganjurkan supaya makan sampai ke akhir waktu iaitu apabila masuk waktu Subuh dengan terbitnya fajar Shadiq.

¹⁰⁵⁴ Keempat-empat hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini menunjukkan kebiasaan Nabi s.a.w. dalam bersembahyang Subuh ialah di awal waktunya iaitu sebaik saja terbit Fajar Shadiq. Waktu itu dipanggil waktu ghalas, ketika mana suasana sekeliling masih lagi gelap gelita. Pada waktu ghalas juga biasanya sembahyang Baginda berakhir. Ada juga pada ketika-ketika tertentu Nabi s.a.w. melewati sembahyang Subuh. Ia ditunaikan Baginda s.a.w. pada waktu isfaar (waktu cerah tanah) untuk menyatakan penghujung waktu Subuh yang afdhal. Berdasarkan satu hadits yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Baginda s.a.w. bersembahyang pada waktu isfaar hanya sekali sahaja. Selepas itu tidak lagi Nabi s.a.w. bersembahyang pada waktu itu. Lihatlah haditsnya ini: عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى الصُّبْحَ بَعْلَسَ ثُمَّ صَلَّى. Lihatlah haditsnya ini: عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى الصُّبْحَ بَعْلَسَ ثُمَّ صَلَّى. Bermaksud: Abu Mas'ud al-Anshari meriwayatkan bahawa "Rasulullah s.a.w. bersembahyang Subuh pada waktu ghalas. Kemudian pada kali yang lain pula Baginda bersembahyang Subuh pada waktu isfaar. Selepas itu sembahyang Subuh Baginda adalah pada waktu ghalas. Baginda tidak lagi bersembahyang Subuh pada waktu isfaar." Ketika membincangkan hadits 'Aaishah (544), asy-Syaukaani menulis: "Hadits ini menunjukkan elok mengerjakan sembahyang Subuh di awal waktunya. Para 'ulama' berbeda pendapat dalam masalah ini. Al-'Itrah ('ulama' dari kalangan anak cucu Rasulullah s.a.w.), Malik, Syafi'e, Ahmad, Ishaq, Abu Tsaur, al-Auzaa'i, Daud bin 'Ali. Abu Ja'far at-Thabari dan lain-lain berpendapat sembahyang Subuh lebih afdhal dikerjakan pada waktu ghalas. 'Umar, 'Utsman, Ibnu az-Zubair, Anas, Abu Musa, Abu Hurairah juga berpendapat begitu. Sembahyang Subuh pada waktu isfaar tidak digalakkan. Al-Haazimi menukulkan pendapat yang sama daripada dua orang lagi khalifah yang empat (Abu Bakar dan 'Ali r.a.), Ibnu Mas'ud, Abi

Mas'ud al-Anshari dan lain-lain ahli Hijaz. Hujah mereka ialah hadits-hadits yang tersebut di bawah bab ini dan selainnya. Mereka juga berhujah dengan keterangan Abi Mas'ud al-Anshari di dalam hadits akan datang bahawa Nabi s.a.w. bersembahyang Subuh pada waktu ghalas sehingga Baginda wafat. Baginda tidak lagi bersembahyang pada waktu isfaar.” Demikianlah menurut jumhur ‘ulama’ termasuk Imam Bukhari, sembahyang Subuh lebih afdhal dikerjakan pada waktu ghalas. Hadits Mughits bin Sumay yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah juga dapat menggambarkan waktu sembahyang Subuh kebanyakan para sahabat sehingga ke zaman pemerintahan Saiyyidina ‘Utsman. Berikut dikemukakan riwayat Ibnu Majah berkenaan, lengkap dengan sanad dan terjemahannya: حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الدَّمَشْقِيُّ حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ حَدَّثَنَا الْأَوْزَاعِيُّ حَدَّثَنَا نَهْيَكُ بْنُ يَرِيمٍ الْأَوْزَاعِيُّ حَدَّثَنَا مُغِيثُ بْنُ سُمَيٍّ قَالَ صَلَّى مَعَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الزُّبَيْرِ الصُّبْحَ بَعْلًا سَلَّمَ أَقْبَلْتُ عَلَى ابْنِ عُمَرَ فَقُلْتُ مَا هَذِهِ الصَّلَاةُ قَالَ هَذِهِ صَلَاتُنَا كَانَتْ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ فَلَمَّا طَعِنَ عُمَرُ أَصْفَرَ بِهَا عُثْمَانُ Bermaksud: Mughits bin Sumay meriwayatkan, katanya: “Saya bersembahyang Subuh berimamkan ‘Abdullah bin az-Zubair pada waktu ghalas. Bila beliau memberi salam, saya terus pergi kepada Ibnu ‘Umar seraya bertanya: “Sembahyang apa ini?” Jawab Ibnu ‘Umar: “Inilah (waktu) sembahyang (Subuh) yang selalu kami kerjakan bersama Rasulullah s.a.w. Abu Bakr dan ‘Umar. Setelah ‘Umar ditikam (ketika bersembahyang Subuh di waktu ghalas), ‘Utsman mula menunaikannya pada waktu isfaar.” Hadits ini sahih. Selain hadits-hadits itu banyak lagi hadits-hadits dan atsar-atsar lain yang menjadi pegangan jumhur ‘ulama’ dalam menganggap lebih afdhal bersembahyang Subuh pada waktu ghalas. Golongan ‘ulama’ yang menganggap Sembahyang Subuh pada waktu isfaar lebih afdhal pula berpegang dengan hadits-hadits dan atsar-atsar berikut: (1) Raafi’ bin Khadij meriwayatkan, katanya: Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: أَصْفَرُوا بِالْفَجْرِ فَإِنَّهُ أَكْبَرُ لِلْأَجْرِ Bermaksud: “Tunaikanlah sembahyang Fajar (subuh) pada waktu isfaar kerana bersembahyang pada waktu itu mendatangkan pahala yang lebih besar.” (Hadits riwayat Tirmizi, Nasaa’i, Baihaqi, Thabaraani, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain. Tirmizi mengatakan hadits ini hasan sahih). Hadits ini juga diriwayatkan oleh Anas, Qataadah bin an-Nu‘man, Ibnu Mas‘ud, Abu Hurairah dan Hawwa’ al-Anshariyyah. (2) ‘Abdullah bin Mas‘ud meriwayatkan, katanya: مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى صَلَاةً إِلَّا لِمِيقَاتِهَا إِلَّا صَلَاتَيْنِ صَلَاةَ الْمَغْرِبِ Bermaksud: “Tidak pernah ku lihat Rasulullah s.a.w. bersembahyang mana-mana sembahyang kecuali pada waktunya, selain dua sembahyang, Maghrib dan ‘Isyaa’ di Jam’in (Muzdalifah). Baginda bersembahyang Fajar (Subuh) pada hari itu sebelum waktunya.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Nasaa’i dan lain-lain). Ibnu at-Turkmani di dalam al-Jauharu an-Naqi berkata: “Ma’na bersembahyang Fajar (Subuh) pada hari itu sebelum waktunya ialah sebelum waktu kebiasaan Baginda s.a.w. Kerana mengerjakan sembahyang Subuh sebelum masuk waktunya adalah tidak harus. Ini menunjukkan melewatkan sembahyang Subuh merupakan kebiasaan Rasulullah s.a.w. Hanya pada hari itu Baginda bersembahyang Subuh lebih awal daripada waktu kebiasaannya.” (3) Abu Barzah al-Aslami bercerita tentang waktu Rasulullah s.a.w. bersembahyang fardhu yang lima, katanya: كَانَ يُصَلِّيُ الْهَجِيرَ الَّتِي تَدْعُونَهَا الْأُولَى حِينَ تَذْخَضُ الشَّمْسُ وَيُصَلِّيُ الْعَصْرَ ثُمَّ يَرْجِعُ أَحَدُنَا إِلَى رَحْلِهِ فِي أَقْصَى الْمَدِينَةِ وَالشَّمْسُ حَيَّةٌ وَنَسِيتُ مَا قَالَ فِي الْمَغْرِبِ وَكَانَ يَسْتَحِبُّ أَنْ يُؤَخَّرَ الْعِشَاءُ الَّتِي تَدْعُونَهَا الْعَتَمَةَ وَكَانَ يَكْرَهُ النَّوْمَ قَبْلَهَا وَالْحَدِيثُ بَعْدَهَا وَكَانَ يَنْفَعِلُ مِنْ صَلَاةِ الْغَدَاةِ حِينَ يَعْرِفُ الرَّجُلُ جَلِيسَهُ وَيَقْرَأُ بِالسُّنَنِ إِلَى الْمِائَةِ Bermaksud: Nabi s.a.w. bersembahyang Hajir yang kamu namakannya sembahyang yang pertama (sembahyang Zohor) itu apabila tergelincir matahari. Baginda s.a.w. bersembahyang ‘Ashar, lalu (selepas bersembahyang bersama Baginda) seseorang daripada kami kembali ke rumahnya di penghujung Madinah.

Matahari pada ketika itu masih lagi hidup (panas, cerah dan bersinar-sinar). Saya (Sayyaar bin Salaamah) terlupa apa yang beliau katakan tentang Maghrib. Nabi s.a.w. suka melewati (sembahyang) 'Isyaa' yang kamu panggil 'Atamah itu. Baginda tidak suka (orang) tidur sebelum bersembahyang 'Isyaa' dan berbual-bual selepasnya. Nabi s.a.w. selesai bersembahyang Subuh ketika seseorang kenal orang yang duduk di sebelahnya dan Baginda membaca antara enam puluh hingga seratus ayat (dalam sembahyang Subuh)." Kata mereka, bukankah di dalam hadits ini disebutkan Rasulullah s.a.w. selesai bersembahyang Subuh ketika seseorang kenal orang yang duduk di sebelahnya. Ia menunjukkan Baginda bersembahyang Subuh pada waktu isfaar. (4) 'Abdur Rahman bin Yazid berkata: كُنَّا نُصَلِّي مَعَ ابْنِ مَسْعُودٍ فَكَانَ يُسْفِرُ بِصَلَاةِ الصُّبْحِ Bermaksud: Kami selalu bersembahyang bersama Ibnu Mas'ud. Beliau selalu bersembahyang Subuh pada waktu isfaar. (Atsar sahih riwayat Ibnu Abi Syaibah). (5) Imam At-Thahaawi dengan sanadnya meriwayatkan daripada Ibrahim an-Nakha'i, katanya: مَا اجْتَمَعَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى شَيْءٍ مَا اجْتَمَعُوا عَلَى التَّوْبِيرِ Bermaksud: Tidak pernah para sahabat bersepakat tentang sesuatu seperti mereka bersepakat tentang bersembahyang Subuh pada waktu cerah tanah (isfaar). (Atsar sahih riwayat at-Thahaawi di dalam Ma'ani al-Aatsaar). **Sebenarnya pada kedua-dua belah pihak** ada hadits dan atsar yang sahih dan ada juga yang lemah bahkan maudhu'. Tetapi hujah jumhur 'ulama' dalam masalah ini lebih kuat, lebih sahih dan lebih banyak. Perlu sekali diketahui bahawa mereka tidak berbeza pendapat tentang permulaan dan penghujung waktu Subuh. Khilaf yang berlaku di antara mereka hanyalah tentang waktu afdhal untuk bersembahyang Subuh. Jumhur 'ulama' mengatakan waktu ghalas. Imam Abu Hanifah, ats-Tsauri, Hasan bin Hai dan lain-lain pula mengatakan waktu isfaar. Sebagaimana golongan pertama mempertikaikan dalil-dalil yang dipegang oleh golongan kedua, golongan kedua juga mempertikaikan dalil-dalil yang dipegang oleh golongan pertama. Hadits-hadits 341, 342 dan 343 yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini misalnya dipertikaikan oleh golongan kedua dengan mengatakan apa yang tersebut di dalam hadits-hadits itu hanyalah di bulan puasa (Ramadhan) sahaja. Ia tidak merangkumi kebiasaan Rasulullah s.a.w. pada bulan-bulan yang lain. Kata mereka, kita juga menerima pada bulan puasa memang lebih elok sembahyang Subuh ditunaikan pada waktu ghalas. Kerana pada bulan itu hampir semua orang bangun untuk bersahur. Kalau diperlewatkan sembahyang Subuh hingga ke waktu isfaar, mungkin ada yang terlepas terus sembahyang Subuh kerana tertidur pula selepas bersahur. Hadits 344 pula bagi mereka menggambarkan sahabiyyaat yang berada jauh dalam keadaan berselimut litup. Dalam keadaan itu bagaimana diri mereka akan dikenali. Ia tidak jelas menunjukkan mereka langsung tidak kelihatan dan tidak diketahui sama ada lelaki atau wanita. Selain ia juga bercanggah dengan dalil (3) berupa hadits yang diriwayatkan oleh Abu Barzah. Kata mereka lagi, bagaimana para sahabat boleh bersepakat atas perkara yang tidak afdhal sebegitu rupa. Kecualilah kalau afdhalnya bersembahyang Subuh pada waktu ghalas itu sudah mansukh. Nabi s.a.w. pula tidak mungkin akan bersabda sebagai perintah, "Tunaikanlah sembahyang Fajar (subuh) pada waktu isfaar kerana bersembahyang pada waktu itu mendatangkan pahala yang lebih besar.", jika bersembahyang pada waktu itu tidak benar-benar mendatangkan pahala yang lebih besar. Tentulah bersembahyang pada waktu isfaar afdhal, kalau tidak kenapa ia mendatangkan pahala yang lebih besar. Kata mereka, kenapa ia mendatangkan pahala yang lebih besar? Jawabnya ialah kerana bersembahyang pada waktu itu lebih menimbulkan rasa khusyu' kerana telah agak puas tidur sebelum itu. Mungkin juga kerana ia dapat mengumpulkan jama'ah yang lebih ramai. Dan begitulah seterusnya. Jumhur 'ulama' juga

membantah dalil-dalil yang dipegang oleh golongan kedua. Antara alasan mereka dalam membantah hujah-hujah golongan kedua ialah: (1) Imam asy-Syafi'e, Ahmad, Ishaq dan lain-lain berpendapat ma'na isfaar yang tersebut di dalam hadits Raafi' bin Khadij bukanlah melewati sembahyang sehingga ke waktu cerah tanah. Tetapi ma'nanya ialah bersembahyang ketika betul-betul telah yakin tentang kemunculan Fajar Shadiq. Tafsiran ini dibantah oleh Ibnu al-Humam dan lain-lain tokoh mazahab Hanafi. Kata mereka, kalau belum yakin masuk waktu Subuh, sembahyang langsung tidak sah ditunaikan. Tidak timbul lagi soal mendapat lebih pahala atau kurang pahala. (2) Tidak benar sama sekali mengatakan kebiasaan Rasulullah s.a.w. ialah bersembahyang pada waktu isfaar semata-mata kerana berpegang dengan hadits Ibnu Mas'ud itu. Hadits Ibnu Mas'ud itu seharusnya dita'wil supaya tidak bertentangan dengan sekian banyak hadits lain yang dengan jelas menunjukkan Baginda s.a.w. selalu bersembahyang pada waktu ghalas. Misalnya dikatakan pada hari itu Rasulullah s.a.w. bersembahyang Subuh lebih awal sedikit daripada hari-hari yang lain. (3) Tidak tepat juga mengatakan para sahabat begitu bersepakat dalam bersembahyang Subuh pada waktu isfaar kerana semata-mata berpegang dengan atsar Ibrahim an-Nakha'i tadi. Kata-kata beliau itu boleh dita'wil berpandukan hadits Mughits bin Sumay yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, di mana disebutkan 'Utsmanlah yang mula-mula menunaikan sembahyang Subuh pada waktu isfaar setelah 'Umar ditikam. Jadi kata-kata Ibrahim an-Nakha'i itu mungkin berkaitan dengan zaman pemerintahan Saiyyidina 'Utsman sahaja atas alasan masalah tertentu. (4) Mengatakan mansukhnya kelebihan bersembahyang pada waktu ghalas juga tidak wajar, memandangkan masih ramai lagi para sahabat yang bersembahyang pada waktu ghalas dengan anggapan ia suatu sunnah Nabi s.a.w. lihat misalnya hadits Mughits bin Sumay yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah tadi. (5) Mengatakan sembahyang Subuh pada waktu ghalas hanya berlaku pada bulan Ramadhan sahaja tidak dapat diterima kerana banyak sekali terdapat hadits dan atsar yang menunjukkan ia selalu juga dilakukan bukan di bulan puasa. **Bagi penulis, jalan terbaik** dalam menghadapi persoalan ini ialah jalan jama' di antara riwayat-riwayat yang kelihatan bertentangan itu. Jalan tarjih, jalan ta'wil dan jalan menghukum mana-mana kumpulan hadits yang kelihatan bertentangan itu sebagai mansukh tidak patut menjadi pilihan. Justeru jalan jama' sahaja yang mampu mendamai dan mengharmonikan suasana tegang yang menyelubungi perbezaan pendapat dalam isu ini. Imam at-Thahaawi, Ibnu al-Qaiyyim dan sekumpulan 'ulama' berpendapat kedua-dua kelompok hadits itu boleh dijama' dengan mengatakan kedua-duanya dapat dipakai serentak dalam masa yang sama. Hadits-hadits yang menggambarkan Nabi selalu bersembahyang pada waktu ghalas benar dengan erti Baginda memulakan sembahyang Subuh pada waktu itu. Hadits-hadits yang menggambarkan Nabi selalu bersembahyang pada waktu isfaar juga benar dengan erti Baginda menyudahkan sembahyang Subuh yang dimulakannya pada waktu ghalas itu pada waktu isfaar. Jika dilihat kepada jumlah ayat-ayat yang dibaca Rasulullah s.a.w. dalam sembahyang Subuh dan cara bacaan Baginda s.a.w. yang penuh tartil, tidak sukar untuk diterima jalan jama' yang diguna pakai di sini. Imam at-Thahaawi di dalam Syarah Ma'ani al-Aatsar bahkan berkata: "Inilah mazhab Abu Hanifah, Abu Yusuf dan Muhammad (bin Hasan asy-Syaibaani)."

٥٤٤- حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ قَالَ أَخْبَرَنَا اللَّيْثُ عَنْ عُقَيْلٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي عُزُوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ أَنَّ عَائِشَةَ أَخْبَرَتْهُ
قَالَتْ كُنَّ نِسَاءُ الْمُؤْمِنَاتِ يَشْهَدْنَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةَ الْفَجْرِ مُتَلَفَعَاتٍ بِمُرُوطِهِنَّ ثُمَّ يَنْقَلِبْنَ إِلَى بُيُوتِهِنَّ
حِينَ يَقْضِيَنَّ الصَّلَاةَ لَا يَعْرِفُهُنَّ أَحَدٌ مِنَ الْعُلَسِ

544- Yahya (bin `Abdillah al-Makhzumi) bin Bukair meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits (bin Sa`ad) meriwayatkan kepada kami daripada `Uqail (bin Khalid al-Ail) daripada Ibni Syihaab (az-Zuhri), katanya: `Urwah bin az-Zubair meriwayatkan kepadaku bahawa `Aaishah bercerita kepadanya. Kata beliau: “Perempuan-perempuan mu`min ikut serta bersembahyang Subuh bersama Rasulullah s.a.w. dengan berselimut litup. Setelah selesai bersembahyang mereka pulang ke rumah masing-masing dalam keadaan tiada siapa pun mengenali mereka kerana waktu itu masih lagi gelap (di awal waktu Subuh).”¹⁰⁵⁵

¹⁰⁵⁵ Antara pengajaran, panduan dan pedoman yang diambil daripada hadits ini ialah: (1) Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang Subuh pada waktu ghalas. (2) Baginda s.a.w. bersembahyang Subuh dengan berjama`ah bersama-sama para sahabatnya. (3) Orang-orang perempuan juga turut bersembahyang Subuh dengan berimamkan Rasulullah s.a.w. seperti sembahyang-sembahyang yang lain di masjid Baginda. (4) Para sahabat mengenali satu sama lain, tidak kira lelaki atau perempuan. Ia secara tidak langsung menunjukkan mereka tidak betudung muka. Kalau tidak, bagaimana mereka mengenali satu sama lain. Di dalam hadits ini dikatakan mereka tidak dikenali bukan kerana lain tetapi kerana waktu itu masih lagi gelap di awal waktu Subuh. (5) Orang-orang perempuan juga mendapat pahala berjama`ah dan pahala bersembahyang di masjid. (6) Mereka tidak dihalang daripada pergi ke masjid untuk bersembahyang fardhu lima waktu. (7) Keharusan berselimut di luar rumah terutamanya kepada orang-orang perempuan.

بَابُ مَنْ أَذْرَكَ مِنَ الْفَجْرِ رَكْعَةً

110- Bab Orang Yang Sempat Mendapat Satu Raka`at Subuh.¹⁰⁵⁶

¹⁰⁵⁶ Untuk memahami dengan lebih mendalam dan lengkap tentang tajuk bab ini sila lihat juga nota 980 hingga 983 di bawah: بَابُ مَنْ أَذْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ الْغُرُوبِ (99- Bab Orang Yang Sempat Mendapat Satu Raka`at Sembahyang `Ahsar Sebelum Terbenam Matahari). Tujuan Imam Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan beberapa perkara berikut: (1) Waktu Subuh berakhir dengan terbitnya matahari. Waktu `Ashar pula berakhir sebaik sahaja matahari terbenam. (2) Hukum orang yang hanya sempat mengerjakan satu raka`at sahaja dalam waktu sembahyang Subuh dan `Ashar. Sementara raka`at-raka`at yang lain dikerjakannya di luar waktu atau selepas masuk waktu sembahyang yang lain. (3) Erti sempat mendapat satu raka`at sembahyang Subuh sebelum terbit matahari dan sempat mendapat satu raka`at sembahyang `Ahsar sebelum terbenam matahari. Dan (4) Siapakah pula orang yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam haditsnya ini? **Perkara (1) Hadits di bawah bab ini** merupakan salah satu dalil yang dipegang umat tentang waktu Subuh berakhir apabila matahari terbit. Dengan terbitnya matahari habislah waktu Subuh. Waktu `Ashar pula berakhir apabila matahari terbenam. Dengan terbenamnya matahari bermulalah waktu Maghrib. **Perkara (1)** ini termasuk dalam salah satu keputusan yang diijma`kan oleh para `ulama`. Ibnu `Abdil Barr, Ibnu Qudaamah dan sekumpulan `ulama` lain adalah antara tokoh `ulama` yang telah menukilkannya sebagai ijma`. Bagaimanapun akhir waktu Subuh tidak termasuk dalam perkara yang diijma`kan. Walaupun terdapat khilaf tentangnya, namun pendapat yang mengatakan ia berakhir dengan terbitnya matahari adalah yang paling kuat kerana ia mempunyai dalil yang kukuh. Antara dalilnya ialah hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini. **Perkara (2)** menyabitkan orang berkenaan sebagai orang yang telah mengerjakan sembahyangnya secara tunai. Dia tidak boleh menghentikan sembahyang setelah memulakannya, biarpun raka`at-raka`at yang baki lagi itu dikerjakannya dalam waktu sembahyang yang lain atau di luar waktu sembahyang yang sedang dikerjakannya. Orang-orang yang tidak sempat mendapat satu raka`at dalam waktu juga seharusnya meneruskan sembahyangnya, meskipun sembahyangnya itu tidak dikira sebagai tunai lagi. Ia juga tidak boleh menghentikan sembahyang setelah memulakannya. **Perkara (3) dan perkara (4)** menarik perhatian para pengkaji tentang apakah erti mendapat satu raka`at daripada sembahyang Subuh sebelum terbit matahari dan sempat mendapat satu raka`at daripada sembahyang `Ashar sebelum terbenam matahari? Siapakah pula orang yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas? Berhubung dengan dua perkara ini terdapat beberapa pendapat `ulama`. (i) Orang yang hanya sempat mendapat satu sujud daripada sembahyang Subuh atau `Ashar di dalam waktunya sahaja sempat mendapat sembahyangnya sebagai tunai. Meskipun bahagian-bahagian sembahyang selepas sujud itu dikerjakannya di luar waktu, seperti sembahyang Subuh atau dalam waktu sembahyang fardhu berikutnya, seperti sembahyang `Ashar. Adapun kalau ia hanya sempat mendapat ruku` atau qiam (berdiri) sahaja di dalam waktu, maka ia tidak dikira sebagai mendapat sembahyang tunai. Antara alasan mereka ialah satu hadits Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: إِذَا أَذْرَكَ أَحَدُكُمْ سَجْدَةً مِنْ صَلَاةِ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَلْيَتِمَّ صَلَاتَهُ وَإِذَا أَذْرَكَ سَجْدَةً مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ